



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**  
**(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara,  
42005 Pelabuhan Klang  
**SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.**

Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3168 8229  
603-3167 0211

Laman Web: [www.pka.gov.my](http://www.pka.gov.my)  
Email: [onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)  
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (19)

Tarikh :

29 Jun 2021

Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
BIL. 15/2021**

**PENGOPERASIAN PELABUHAN DI PELABUHAN KLANG SEPANJANG TEMPOH  
PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 1 YANG BERMULA PADA  
29 JUN 2021**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada ucapan YAB Perdana Menteri pada 28 Jun 2021 dan Prosedur Operasi Standard yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada 28 Jun 2021 berhubung Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 di seluruh negara yang mula berkuat kuasa pada 29 Jun 2021.

2. Dimaklumkan bahawa Operator Terminal (Northport dan Westports) serta Port Klang Free Zone akan terus **beroperasi seperti biasa (24 jam pada setiap hari) pada tahap optimum** dan akan memperuntukkan segala keperluan perkhidmatan bagi aktiviti pelabuhan dan logistik untuk menampung keperluan negara dalam tempoh kritikal ini seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Kelang Bil. 11/2021.

3. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) juga akan terus melaksanakan **pelepasan barangan selain daripada barangan penting (non-essential cargo / container) pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat (8.00 pagi hingga 8.00 malam)** di kedua-dua Terminal Pelabuhan (Northport dan Westports) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Kelang Bil. 14/2021.

4. LPK menyeru kepada semua pengguna pelabuhan untuk mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kerja di dalam tempoh sukar ini dan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan, LPK dan Operator Pelabuhan.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPT. K. SUBRAMANIAM)**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang

mamp/josc